

**LATIHAN PENGUKUHAN PENGGUNAAN NOMBOR INDEKS  
MATEMATIK TAMBAHAN  
SEKOLAH MENENGAH AGAMA SAINS KUALA PILAH**

--	--

1. Satu tin teh berharga RM 1.00 pada tahun 1998 dan RM 1.80 pada tahun 2000. Dengan mengambil tahun 1998 sebagai tahun asas, kira indeks harga satu tin teh bagi tahun 2000. [ 3 markah ]

2. Indeks harga bagi sejenis barangan pada tahun 1999 dan 2000 berasaskan tahun 1990 masing-masing ialah 115 dan 120. Kira indeks harga bagi tahun 1990 dan 1999 jika tahun 2000 diambil sebagai tahun asas. [ 4 markah ]

3. Indeks harga bagi sejenis barangan pada tahun 2000 dan 2001 berasaskan tahun 1995 masing-masing ialah 110 dan 115. Jika harga barangan itu ialah RM120 pada tahun 2000, cari harga barangan itu pada tahun 2001. [ 4 markah ]

4. Jadual di bawah menunjukkan nombor indeks dan pemberatnya yang sepadan.

<b>Nombor Indeks</b>	105	112	98
<b>Pemberat</b>	2	4	4

Kira nombor indeks gubahan bagi data itu.

[ 3 markah ]

5. Indeks harga serta pemberat empat bahan dalam bulan Mac 1998 adalah seperti berikut.

<b>Bahan</b>	A	B	C	D
<b>Nombor Indeks</b>	130	110	X	140
<b>Pemberat</b>	6	2	1	3

Nombor indeks gubahan bagi Mac 1998 untuk keempat-empat bahan itu ialah 128. cari nilai x.

[ 4 markah ]

6.

<b>Bahan</b>	<b>Harga</b>		<b>Indeks Harga (1990 = 100)</b>
	<b>1990</b>	<b>2000</b>	
<b>A</b>	RM $y$	RM 840	120
<b>B</b>	RM 389	RM 420	$z$
<b>C</b>	RM 240	RM $x$	95

Jadual di atas menunjukkan harga untuk tiga jenis bahan A, B dan C dalam tahun 1990 dan tahun 2000 serta indeks harga dalam tahun 2000 dengan mengambil tahun 1990 sebagai tahun asas.

(a) Hitungkan nilai  $x$ , nilai  $y$  dan nilai  $z$ .

(b) Dalam tahun 2000, 450 unit bahan A, 270 unit bahan B dan 180 unit bahan C telah dijual. Hitung indeks gubahan bagi bahan pada tahun 2000 dengan menggunakan tahun 1990 sebagai tahun asas.

- (c) Jika indeks gubahan bertambah sebanyak 20% dari tahun 2000 hingga 2003, kira indeks gubahan bagi tahun 2003 berasaskan tahun 1990.

[ 8 *markah* ]